

# **MODUL HEBAT TASAWWUR ISLAM**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2025**

**PANDUAN PEMARKAHAN**

**BAHAGIAN A**

<b>NOMBOR SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
1	Islam
2	Rasul
3	Pekerjaan
4	Al-Ijarah
5	Zakat
6	Interaksi
7	Diat
8	Sistematik
9	Khilafah
10	Khalifah
11	Al-Rahnu
12	Al-Wadiah
13	Al-Hadis
14	Al-Qias
15	Taaruf
16	Ta'awun
17	X
18	X
19	/
20	/


## BAHAGIAN B

<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>	<b>MARKAH</b>
1 (a) i	Maksud Islam sebagai al-Din ialah; Cara hidup yang lengkap merangkumi akidah, ibadah dan akhlak.	1 isi x 2m = 2m
ii	<b>Dua</b> sebab manusia perlu kepada Islam sebagai cara hidup ialah; <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memandu arah hidup manusia (1m) supaya mengikut syariat Islam</li> <li>- Cara hidup Islam (1m) untuk mendapat kebahagiaan didunia dan akhirat</li> <li>- Akal manusia terbatas(1m) untuk mengetahui hakikat kebenaran sesuatu perkara</li> <li>- Islam menjadi asas tatacara perhubungan manusia (1m) untuk mencapai keharmonian hidup bermasyarakat.</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m  Perlukan huraian
(b) i	<b>Dua</b> pembahagian akhlak dalam Islam ialah; <ul style="list-style-type: none"> <li>- Akhlak mahmudah</li> <li>- Akhlak mazmummah</li> </ul>	2 isi x 1m = 2m
ii	<b>Dua</b> kepentingan akhlak menurut Islam terhadap negara ialah; <ul style="list-style-type: none"> <li>- Membina negara sejahtera (1m) kerana semua rakyat sentiasa menjaga akhlak (1m)</li> <li>- Negara dirahmati Allah (1m) kerana sentiasa mentaati perintah Allah (1m)</li> <li>- Meningkatkan imej negara (1m) kerana tiada jenayah berlaku (1m)</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m  Perlukan huraian
(c)	<b>Dua</b> ciri muamalat Islam ialah; <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bersumberkan Al Quran dan hadis</li> <li>- Reda meredhai dalam urusan antara kedua-dua pihak</li> <li>- Adil</li> <li>- Mendatangkan manfaat</li> <li>- Tidak melakukan penipuan</li> </ul>	2 isi x 1m = 2m
(d) i	Institusi kewangan Islam yang dimaksudkan ialah; <ul style="list-style-type: none"> <li>- Takaful / Insurans Islam</li> </ul>	1 isi x 1m = 1m

ii	<p><b>KBAT</b></p> <p>Cara menggalakan masyarakat bermuamalat dengan muamalat Islam:</p> <p>Cadangan jawapan</p> <p>Memberi didikan agama (1m) berkaitan ekonomi dan kewangan Islam dalam sistem pendidikan negara (1m) supaya boleh menarik minat masyarakat memilih insurans Islam(1m)yang menyebabkan kehidupan lebih terjamin(1m) yang akhirnya ekonomi bertambah maju(1m)</p> <p>Cadangan isi :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Memberi penerangan melalui media massa</li> <li>-Mengembangkan kemudahan insurans Islam secara menyeluruh</li> <li>-Mengemaskini sistem muamalat Islam</li> </ul>	<p>1 isi 4 huraihan =5m</p>
----	--	-------------------------------------

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
2 (a)	Maksud insan ialah; Makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal (1m) dan ditugaskan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT/ memakmurkan alam (1m)	1 isi x 2m = 2m
(b) i	Kepentingan memelihara fitrah kejadian insan ialah; <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendapat keredhaan dan petunjuk Allah SWT (1m) kerana melaksanakan syariat Islam. (1m)</li> <li>- Mengukuhkan keimanan dan menyemai ketaqwaan (1m) agar menjadi mukmin sejati (1m)</li> <li>- Menerima kebenaran dan menolak kebatilan (1m) agar bahagia di dunia dan di akhirat. (1m)</li> <li>- Membentuk kehidupan yang aman dan harmoni (1m) agar hidup sejahtera.(1m)</li> <li>- Dapat memakmurkan bumi (1m) agar diberkati Allah SWT.(1m)</li> </ul>	1 isi x 2m = 2m  Perlukan huraian
ii	<p style="text-align: center;">Menjaga sikap dan tingkah laku.</p> <p><b>Dua</b> tindakan yang perlu anda lakukan bagi memelihara fitrah kejadian insan <b><u>selain daripada yang dinyatakan di atas ialah;</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Membentuk kehidupan yang aman dan harmoni (1m) agar hidup sejahtera.(1m)</li> <li>- Dapat memakmurkan bumi (1m) agar diberkati Allah SWT.(1m)</li> <li>- Memupuk akhlak mulia (1m) agar dapat dicontohi oleh orang lain. (1m)</li> <li>- Menjaga kesucian diri (1m) agar terpelihara daripada maksiat.(1m)</li> <li>- Membina keluarga atas dasar taqwa dan kasih sayang (1m) agar hidup tenang. (1m)</li> <li>- Melaksanakan amanah dengan penuh tanggungjawab (1m) agar dapat melaksanakan tugas dengan baik.(1m)</li> <li>- Mendalami ilmu agama(1m) agar dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT.(1m)</li> <li>- Mengamalkan cara hidup Islam (1m) agar hidup diberkati Allah SWT. (1m)</li> </ul> <p><b>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</b></p>	2 isi x 2m = 4m  Perlukan huraian
(c) i	<b>Dua</b> asas sistem perundangan Islam ialah; <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pencegahan (1m)</li> <li>- Pembalasan (1m)</li> <li>- Pemulihan (1m)</li> </ul>	2 isi x 1m = 2m

ii	<p><b>Dua cara Islam memerintahkan umatnya memelihara agama ialah;</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mematuhi perintah Allah SWT (1m) supaya hidup diberkati oleh Allah SWT (1m)</li> <li>- Meninggalkan larangan Allah SWT (1m) agar tidak dilaknat oleh Allah SWT (1m)</li> <li>- Melarang perbuatan syirik (1m) supaya akidah terpelihara (1m)</li> <li>- Mengenakan hukuman hudud kepada orang yang murtad (1m) supaya agama terpelihara (1m)</li> </ul> <p><b>Mana-mana jawapan munasabah diterima</b></p>	<p>2 isi x 2m = 4m Perlukan huraian</p>
iii	 <p>KBAT:</p> <p><b><u>Bagaimakah perundangan Islam</u> dapat menyelesaikan masalah di atas dalam kalangan masyarakat?</b></p> <p>Masyarakat akan takut untuk melakukan jenayah (F) kerana takut menerima hukuman yang dikenakan (H1) seperti dikenakan penjara atau denda (H2). Kesannya masyarakat akan hidup aman (H3) kerana tiada unsur penindasan.(H4) Kesimpulannya, kita mestilah melaksanakan perundangan Islam secara menyeluruh agar hidup diberkati Allah SWT.(H5)</p> <p>Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Wujud rasa insaf dalam diri masyarakat</li> <li>- Penguatkuasaan undang-undang Islam.</li> <li>- Hukuman yang dikenakan adil kepada semua golongan</li> <li>- Masyarakat terdidik daripada melakukan kemungkaran</li> </ul>	<p>1 isi 5 huraian = 6 markah</p>

<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>	<b>MARKAH</b>
3 (a) i	Maksud khalifah ialah; Manusia wajib mentadbir / memakmurkan bumi (1m) selari dengan kehendak syariat. (1m)	1 isi x 2m = 2m
ii	<b>Dua tanggungjawab khalifah terhadap alam ialah;</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Mentadbir / memakmurkan alam secara terancang</li><li>- Menggunakan alam semula jadi dengan bijaksana</li><li>- Memelihara alam daripada pencemaran</li><li>- Memulihara alam bagi menjaga kelangsungan flora dan fauna.</li></ul>	2 isi x 1m = 2m
(b) i	 <p>Berdasarkan gambar di atas bagaimana aktiviti tersebut memberi kesan kepada alam sekitar</p> <p>Kesan aktiviti tersebut memberi kepada alam sekitar ialah;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pencemaran udara berlaku (1m) kerana pelepasan asap dari kilang(1m)</li> <li>- Pencemaran air (1m) menyebabkan habitat ikan musnah (1m)</li> <li>- Kepupusan flora dan fauna (1m) kerana kerakusan manusia (1m)</li> <li>- Kualiti kehidupan manusia menurun (1m) kerana kualiti udara tidak sihat (1m)</li> <li>- Berlakunya hujan asid (1m) kerana perlepasan asap secara terbuka (1m)</li> </ul> <p><b>Mana-mana jawapan munasabah diterima</b></p>	1 isi x 2m = 2m  Perlukan huraihan
(b) ii	<p>KBAT</p> <p>Langkah mengatasi kesan buruk aktiviti tersebut.</p> <p>Contoh jawapan</p> <p>Menjalankan kempen kitar semula (1m) untuk memberi kesedaran kepada masyarakat (1m) kesannya alam dapat dipelihara dengan baik (1m) kesimpulannya kita hendaklah menjaga alam sekitar agar hidup sejahtera.(1m)</p>	1 isi 3 huraihan = 4m

	<p>Cadangan jawapan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberi didikan pelestarian alam disekolah</li> <li>- Menguat kuasakan undang-undang</li> <li>- Hukuman yang berat kepada pesalah</li> </ul> <p><b>Mana-mana jawapan munasabah diterima</b></p>	
(c) i	<p><b>Dua</b> elemen pembentukan negara Islam ialah;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Majlis Syura</li> <li>- Khalifah</li> <li>- Wilayah</li> <li>- Rakyat</li> <li>- Undang-undang</li> <li>- Badan kehakiman</li> <li>- Pentadbiran dan penguatkuasaan</li> </ul>	1 isi x 2m = 2m
ii	<p><b>Dua</b> ciri sistem pemerintahan Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Meletakkan Allah sebagai penguasa mutlak (1m) manakala manusia sebagai khalifah (1m)</li> <li>- Mengamalkan syura dalam pemerintahan (1m) berdasarkan al-Quran dan al-Hadis (1m)</li> <li>- Peranan umat Islam sebagai khalifah (1m) yang di amanahkan untuk memakmurkan muka bumi(1m)</li> <li>- Segala perkara yang diputuskan dan dilaksanakan dalam pemerintahan bersesuaian dengan kehendak rakyat (1m) yang bertepatan dengan syarak (1m)</li> <li>- Melaksanakan amar makruf nahi mungkar (1m) agar diberkati Allah (1m)</li> <li>- Negara Islam mengutamakan penghayatan akhlak yang mulia (1m) dalam semua aspek kehidupan (1m)</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m
iii	<p><b>Dua</b> tindakan yang boleh diambil oleh setiap individu dalam hidup bernegara</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Meninggikan syariat dan syiar islam (1m) agar hidup diberkati Allah(1m)</li> <li>- Mematuhi undang-undang negara (1m) seperti yang termaktu dalam perlombagaan (1m)</li> <li>- Meningkatkan ilmu pengetahuan (1m) agar dapat menyumbang kepada negara(1m)</li> <li>- Mentaati arahan pemerintah (1m) selagi tidak melanggar syariat(1m)</li> <li>- Mengamalkan sikap hormat-menghormati (1m) dalam kalangan masyarakat berbilang kaum (1m)</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m

<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>	<b>MARKAH</b>
4 (a) i	Maksud Syumuliyyah ialah; Agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW lengkap dan sempurna (1m) serta meliputi kehidupan di dunia dan akhirat.	1 isi x 2m = 2m
ii	<b>Dua</b> prinsip syumuliyyah ialah; <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesempurnaan hanya milik Allah SWT (1m) ...H</li> <li>- Islam tidak terikat dengan masa, tempat dan ruang tertentu (1m) ...H</li> <li>- Manusia dibekalkan dengan akal dan syariat yang lengkap sesuai (1m) dengan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT (1m)</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m  Perlukan huraian
(b)	<b>Dua</b> keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam ialah; <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sesuai dengan fitrah dan akal manusia (1m) ...H</li> <li>- Bersifat jelas dan praktikal (1m) sebagaimana yang ditetapkan dalam al-Quran dan as-Sunnah (1m).</li> <li>- Sesuai dengan peranan sebagai khalifah (1m) yang bertujuan memakmurkan kehidupan dan kesejahteraan manusia (1m).</li> <li>- Keseimbangan (1m) dari sudut Rohani dan jasmani (1m).</li> <li>- Mementingkan budaya ilmu (1m) sehingga dapat mengangkat darjat manusia (1m).</li> <li>- Rahmat bagi sekalian alam (1m) kepada semua makhluk (1m).</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m  Perlukan huraian
(c)	<b>Empat</b> jenis muamalat Islam ialah; <ul style="list-style-type: none"> <li>- al-wadiyah</li> <li>- al-mudarabah</li> <li>- al-murabahah</li> <li>- al-musyarakah</li> <li>- al-rahnu</li> <li>- al-ijarah</li> <li>- al-bai' bithaman ajil</li> <li>- takaful</li> </ul>	4 isi x 1m = 4m
(d) i	Cadangan langkah menggalakkan masyarakat menggunakan muamalat Islam ialah; <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengadakan kempen / ceramah tentang kelebihan muamalat Islam</li> <li>- Mengedarkan risalah</li> <li>- Menawarkan produk muamalah Islam</li> </ul>	1 isi x 2m = 2m

ii	<p><b>KBAT:</b></p> <p>Ramalan perkara yang akan berlaku sekiranya muamalat tersebut diabaikan masyarakat ialah;</p> <p>Cadangan jawapan</p> <p>Berlaku banyak penindasan dalam masyarakat (1m) seperti amalan riba. (1m) Ini akan menyebabkan masyarakat akan bersikap prejedis antara satu sama lain (1m) yang akhirnya akan memporak perandakan keamanan dalam masyarakat (1m).</p> <p>Fokus jawapan : Kesan / akibat (negatif)</p> <p>Cadangan isi :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Masyarakat berpecah belah</li> <li>- Masyarakat saling bermusuhan</li> <li>- Jenayah banyak akan berlaku</li> </ul>	<p>1 isi 3 huraihan = 4 markah</p>
----	---	--

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
5 (a) i	Pengertian keluarga ialah; Unit sosial (1m) yang dihubungkan melalui pertalian darah / perkahwinan / pengambilan anak angkat (1m)	1 isi x 2m = 2m
(b)	<p>Antara matlamat institusi kekeluargaan Islam ialah memastikan kelangsungan zuriat melalui ikatan pernikahan yang sah</p> <p><b>Dua</b> matlamat institusi kekeluargaan Islam <b>selain pernyataan di atas</b> ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melahirkan generasi yang bertakwa (1m) untuk membentuk masyarakat yang beriman (1m)</li> <li>- Membentuk kesempurnaan akhlak (1m) agar tidak berlaku kemaksiatan (1m)</li> <li>- Dapat menjalankan ajaran Islam (1m) dalam semua aspek kehidupan (1m)</li> <li>- Menjamin keutuhan sosial / ekonomi (1m) agar dapat menjamin masa depan (1m)</li> <li>- Melaksanakan tanggungjawab manusia (1m) sebagai hamba dan khalifah (1m)</li> <li>- Menjaga kehormatan manusia (1m) agar tidak melakukan kegiatan yang tidak bermoral (1m)</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m  Perluakan huraian
(c) i	<p><b>KEMPEN SAYANGI KELUARGA</b> Keluarga Bahagia Keluarga Sejahtera</p> <p><b>Dua</b> aktiviti yang boleh anda lakukan untuk merealisasikan kempen di atas ialah;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Solat berjemaah</li> <li>- Hari keluarga</li> <li>- Sukaneka</li> <li>- Gotong royong</li> </ul> <p><b>Catatan :</b> <b>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</b></p>	2 isi x 1m =2m

ii	<p><b>KBAT</b>  Berdasarkan cadangan aktiviti di atas, bagaimanakah ia memberi kesan kepada kejayaan kempen tersebut ialah;</p> <p>Dapat mengukuhkan hubungan kekeluargaan (F). Hal ini kerana, ahli keluarga akan berkumpul dan saling mengenali dengan rapat .(H1) Kesannya, dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama ahli keluarga. (H2) Kesimpulannya , kita hendaklah membina keluarga yang harmoni supaya diberkati Allah (H3)</p> <p><b>Cadangan isi :</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membentuk suasana rumah yang harmoni</li> <li>2. Mengeratkan hubungan silaturahim</li> <li>3. Mengwujudkan komunikasi yang mesra</li> <li>4. Menyemai nilai nilai murni</li> <li>5. Meningkatkan sokongan emosi</li> </ol>	1 isi 3 huraian = 4m
(d) i	<p><b>Dua</b> etika kehakiman Islam ialah;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hakim dilarang menyebelahi mana mana pihak sama ada pihak pendakwa atau tertuduh</li> <li>- Hakim hendaklah jujur ketika bertugas</li> <li>- Hakim dilarang untuk menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya</li> <li>- Hakim dilarang untuk mensabitkan kesalahan terhadap tertuduh jika ada keraguan dari segi bukti dan hujah</li> </ul>	2 isi x 1m = 2 markah
ii	<p>Kepentingan melaksanakan sistem kehakiman Islam ialah;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mampu menyelesaikan masalah permasalahan manusia (1m) secara menyeluruh (1m)</li> <li>- Menegakkan amar makruf dalam masyarakat (1m) untuk mengelakkan jenayah (1m)</li> <li>- Mewujudkan keadilan sejagat (1m) supaya masyarakat aman (1m)</li> <li>- Mewujudkan keamanan/kesejahteraan dalam negara (1m) supaya mewujudkan keadilan sejagat (1m)</li> <li>- Membendung perkara mungkar/ jenayah daripada berleluasa (1m) kerana menegakkan amr makruf (1m)</li> <li>- Mengembalikan hak kepada orang yang dizalimi (1m) supaya nasib terbela (1m)</li> </ul>	1 isi x 2m = 2m  Perlukan huraian
(e) i	<p><b>Dua</b> jenis hukuman jenayah Islam ialah;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hudud</li> <li>- Qisas</li> <li>- Takzir</li> <li>- Diat</li> </ul>	2 isi x 1m = 2m

ii	<p>Hikmah hukuman jenayah Islam yang diterima oleh seseorang pesalah ialah;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendidik pesalah (1m) supaya taat ajaran Islam (1m)</li> <li>- Menimbulkan rasa takut dalam diri (1m) untuk melakukan jenayah (1m)</li> <li>- Mengubah diri taat kepada ajaran agama (1m) supaya pesalah melakukan kebaikan (1m)</li> <li>- Memberi pengajaran / keinsafan (1m) supaya penjenayah tidak mengulangi kesalahan yang sama (1m)</li> </ul>	<p>1 isi x 2m = 2m</p> <p>Perlukan huraian</p>
----	---	--

SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
6 (a) i	<p style="border: 1px solid black; padding: 5px;">Islam tidak melarang kesenian. Islam hanya menolak seni yang melanggar batasan agama dan syarak</p> <p><b>Dua contoh kesenian Islam yang berkaitan dengan pernyataan di atas ialah;</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Seni Khat dan Kaligrafi</li> <li>- Seni Seramik</li> <li>- Seni Reka Fesyen</li> <li>- Seni Fotografi</li> </ul> <p><b>Mana-mana aktiviti kesenian diterima. Perlu bezakan contoh hiburan dengan kesenian.</b></p>	2 isi x 1m = 2 m
ii	<p>Adab dan etika kesenian Islam tersebut ialah;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan (1m) agar dapat mendidik jiwa manusia (1m)</li> <li>- Hasil seni yang tidak bercanggah dengan syarak (1m) agar kesucian agama terpelihara (1m)</li> <li>- Kesenian yang berteraskan nilai akhlak Islam (1m) agar dapat memelihara akidah manusia (1m)</li> <li>- Sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berkarya (1m) agar mendapat keberkatan dari Allah (1m)</li> <li>- Mencipta karya yang asli (1m) agar tidak meniru hasil karya orang lain (1m)</li> <li>- Berkarya secara sederhana dan tidak melampaui batas (1m) supaya akhlak manusia terjaga (1m)</li> <li>- Tiada unsur merosakkan akidah dan maksiat (1m) supaya manusia sentiasa mengagungkan Allah (1m)</li> <li>- Tidak mengganggu atau menzalimi orang lain (1m) agar tidak mencetuskan pergaduhan (1m)</li> </ul>	1 isi x 2 m = 2m Perlukan huraian
iii	<p>Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.  <i>Hujah yang ada pada pernyataan di atas</i></p> <p>Contoh jawapan :</p> <p>Islam menggalakkan kesenian yang mengagungkan Allah (1m) bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan seni yang menepati syarak (1m) Contohnya mencipta lagu nasyid (1m) Hal ini dapat membangunkan potensi umat Islam (1m) untuk menghasilkan karya yang boleh meningkatkan keimanan kepada Allah (1m). Kesimpulannya, umat Islam hendaklah melaksanakan adab kesenian Islam agar kesucian agama terpelihara (1m)</p> <p>Fokus jawapan : Konsep Kesenian Islam</p>	1 isi 5 huraian = 6m

	<p>Cadangan isi :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menghasilkan seni fesyen yang menutup aurat</li> <li>- Menghasilkan seni khat dan kaligrafi berteraskan Islam</li> <li>- Membina bahan binaan yang melambangkan keislaman.</li> <li>- Menghasilkan lirik lagu yang menepati syariat Islam.</li> <li>- Islam menolak kesenian yang mempunyai unsur merosakkan akidah</li> <li>- Menghasilkan lukisan yang menggambarkan keindahan Islam</li> </ul>	
(b) i	<p><b>Empat</b> prinsip negara Islam ialah;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Musyawarah (al-Syura)</li> <li>- Keadilan (al-'adalah)</li> <li>- Kebebasan (al-Hurriyyah)</li> <li>- Persamaan (Al-Musawwah)</li> </ul>	4 isi x 1m = 4m
ii	<p>Hak rakyat dalam sebuah negara Islam ialah;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hak memilih khalifah (1m) bagi melaksanakan hukum syariat dalam segala urusan pemerintahan (1m)</li> <li>- Hak mendapat pendidikan (1m) supaya masyarakat mempunyai ilmu (1m)</li> <li>- Hak mendapat perlindungan dan jaminan keselamatan (1m) agar dapat mewujudkan keamanan dan kesejahteraan (1m)</li> <li>- Hak mencari harta dan membelanjakannya (1m) supaya negara menjadi maju (1m)</li> <li>- Hak kebebasan bersuara dan memberi pendapat (1m) agar dapat menyelesaikan sesuatu urusan secara muafakat (1m)</li> </ul>	1 isi x 2m = 2m Perlukan huraian
iii	<p><b>Dua</b> kepentingan melaksanakan tuntutan dan tanggungjawab khilafah ialah;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemerintahan berteraskan al-Quran dan al-Hadis (1m) demi meraih keredaan Allah SWT (1m)</li> <li>- Mementingkan sikap saling menghormati dan bertoleransi dalam masyarakat (1m) agar tidak berlaku perpecahan dalam masyarakat (1m)</li> <li>- Menjalankan tadbir urus yang menjamin keamanan dan kestabilan negara (1m) agar negara dipandang tinggi oleh negara lain (1m)</li> <li>- Melaksanakan keadilan terhadap semua pihak (1m) agar rakyat tidak berasa dizalimi (1m)</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m Perlukan huraian